Register your product and get support at

www.philips.com/welcome

DVP3358




| | |
|---|---|
| EN | User manual |
| ZH_TW | 使用者手冊 |
| MS_MY | Manual pengguna |

PHILIPS

# Kandungan


| | | |
|---|---|---|
| **1** | **Penting** | **2** |
| | Notis Keselamatan penting | 2 |
| | Notis Tanda dagangan | 3 |
| **2** | **Pemain DVD Anda** | **4** |
| | Kemuncak ciri | 4 |
| | Gambaran keseluruhan produk | 5 |
| **3** | **Sambungkan** | **7** |
| | Sambungkan kabel video | 7 |
| | Sambungkan kabel audio | 8 |
| | Halakan audio ke peranti lain | 8 |
| | Sambungkan peranti USB | 9 |
| | Sambungkan ke alur keluar kuasa | 9 |
| **4** | **Bermula** | **10** |
| | Sediakan kawalan jauh | 10 |
| | Cari saluran tontonan yang betul | 11 |
| | Pilih bahasa paparan menu | 11 |
| | Hidupkan Imbas Progresif | 12 |
| **5** | **Main** | **13** |
| | Main dari cakera | 13 |
| | Mainkan video | 14 |
| | Mainkan muzik | 18 |
| | Mainkan foto | 19 |
| | Main dari peranti USB | 21 |
| **6** | **Ciri lanjutan** | **22** |
| | Salinan media | 22 |
| | Buat fail MP3 | 22 |
| **7** | **Laraskan tetapan** | **24** |
| | Persediaan umum | 24 |
| | Persediaan Audio | 25 |
| | Persediaan video | 28 |
| | Keutamaan | 29 |
| **8** | **Maklumat tambahan** | **32** |
| | Perisian kemas kinian | 32 |
| | Penjagaan | 32 |
| **9** | **Spesifikasi** | **33** |
| **10** | **Menyelesaikan masalah** | **34** |
| **11** | **Glosari** | **36** |

# 1 Penting

## Notis Keselamatan penting

**Amaran**

- Risiko pemanasan melampau! Jangan pasang pemain DVD dalam ruang yang terbatas. Sentiasa tinggalkan sekurang-kurang empat inci ruang di sekeliling pemain DVD untuk pengalihudaraan. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihudaraan pada pemain DVD.
- Jangan sekali-kali letakkan pemain DVD, kawalan jauh atau bateri berhampiran dengan api terbuka atau sumber haba yang lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Hanya gunakan pemain DVD ini di dalam bangunan. Jauhkan unit ini daripada air, kelembapan dan objek yang berisi air.
- Jangan letak pemain DVD ini di atas kelengkapan elektrik yang lain.
- Jauhkan dari anda daripada pemain DVD ini semasa ribut kilat.
- nding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Sinaran laser boleh nampak dan sinaran laser tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.

## Mengenai Imbas Progresif

Pengguna harus mengambil perhatian bahawa tidak semua set televisyen definisi tinggi serasi sepenuhnya dengan produk ini dan boleh menyebabkan artifak dipaparkan dalam gambar. Bagi masalah gambar imbas progresif 525 atau 625, adalah disyorkan bahawa pengguna mengalihkan sambungan ke output 'definisi standard'. Sekiranya terdapat soalan berkenaan dengan keserasian set TV kami dengan pemain DVD model 525p dan 625p ini, sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan kami.

## Notis kitar semula

Kelengkapan elektronik ini mengandungi bilangan bahan yang banyak yang boleh dikitar semula atau digunakan semula jika dibuka oleh syarikat khusus. Jika anda melupuskan mesin lama, sila bawakannya ke pusat kitar semula. Sila amalkan peraturan tempatan mengenai pelupusan bahan pembungkusan, bateri lama dan kelengkapan tua.

## Notis hak cipta

Be responsible
Respect copyrights

Produk ini menggabungkan teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh tuntutan kaedah beberapa paten dan lain-lain hak harta intelektual yang dimiliki oleh Macrovision Corporation dan pemilik hak yang lain. Penggunaan teknologi perlindungan hak cipta ini mesti mendapat kebenaran daripada Macrovision Corporation, dan dimaksudkan untuk penggunaan tontonan di rumah dan lain-lain tempat yang terhad sahaja melainkan dibenarkan oleh Macrovision Corporation. Kejuruteraan terbalik atau membuka pemasangan adalah dilarang.

# Notis Tanda dagangan

Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.

Windows Media dan logo Windows adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/ atau negara lain.

DivX, DivX Certified, dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan DivX, Inc. dan digunakan di bawah lesen.

Memainkan video DivX® dengan menu, sarikata dan trek audio.

Logo USB-IF adalah tanda dagangan Universal Serial Bus Implementers Forum, Inc.

# 2 Pemain DVD Anda

Tahniah ke atas pembelian anda, dan selamat datang kepada Philips! Untuk mendapat manfaat sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftarkan produk anda di www.philips.com/welcome.

Pemain DVD ini juga menjadikan audio dan video seakan-akan hidup. Memainkan hampir sebarang format cakera, termasuk foto digital dengan tiada langsung kompromi terhadap kualiti gambar.

## Kemuncak ciri

**Muat skrin**
Lihat filem dalam skrin penuh pada sebarang TV dengan pemain DVD ini.

**Video komponen imbas progresif**
Menolak batasan resolusi standard dan menyediakan paparan imej yang lebih menyerupai filem yang menyenangkan untuk menonton DVD pada paparan TV.

**Pautan USB 2.0 kelajuan tinggi**
Hanya plag masuk pemacu denyar USB anda ke dalam bicu USB untuk memainkan fail MP3/WMA/JPEG/DivX/WMV anda untuk menikmati muzik yang dimainkan dengan kualiti bunyi yang sangat istimewa.

**Salinan media**
Anda boleh memindahkan fail data seperti MP3, WMA dan JPEG daripada cakera ke pemacu denyar USB.

**Buat fail MP3**
Tukar trek audio kegemaran anda daripada CD audio ke format MP3. Fail MP3 yang dibuat disimpan dalam pemacu denyar USB anda.

## Kod rantau

Pemain DVD anda memainkan cakera dengan kod rantau berikut.

| Kod rantau DVD | Negara |
|---|---|
| ALL 3 | Asia Pasifik, Taiwan, Korea |
| ALL 4 | Australia, New Zealand |

# Gambaran keseluruhan produk

## Unit utama




① ⏻ (Siap sedia hidup)

- Hidupkan pemain DVD atau beralih ke mod siap sedia.

② **Petak cakera**

③ **Panel paparan**

④ ⏏ (Buka/Tutup)

- Buka atau tutup petak cakera.

⑤ ▶II (Main/Jeda)

- Mula, jeda atau sambung semula mainan cakera.

⑥ **bicu (USB)**

- Sambungkan pemacu denyar USB.

## Kawalan jauh




① ⏻ (Siap sedia hidup)

- Hidupkan pemain DVD atau beralih ke mod siap sedia.

② ⏏ (Buka/Tutup)

- Buka atau tutup petak cakera.

③ DISC MENU

- Akses atau keluar daripada menu cakera.
- Beralih ke mod cakera.
- Untuk VCD/SVCD, hidup atau matikan PBC (Kawalan Main balik) dalam mod PBC.

④ ▲▼◀▶ (Butang navigasi)

- Navigasi melalui menu.
- Mencari mara cepat (▶) atau putar semula cepat (◀). Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.
- Mencari mara perlahan (▲) atau putar semula perlahan (▼). Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.

⑤ ⮌ BACK

- Kembali ke menu paparan sebelumnya.
- Untuk DVD, navigasi ke menu tajuk.
- Bagi VCD versi 2.0 atau SVCD dengan PBC dihidupkan, kembali ke menu.

⑥ ⏮/⏭ (Sebelumnya/Seterusnya)

- Melangkau ke tajuk, bab atau trek sebelum atau seterusnya.
- Tekan dan tahan untuk carian putar semula cepat atau mara cepat.

⑦ ⭠ (USB)

- Beralih ke mod USB dan paparkan kandungan.

⑧ Butang angka

- Pilih item untuk dimainkan.

⑨ SUBTITLE

- Pilihbahasa subtajuk DVD atau DivX.
- Akses menu untuk salin USB atau padam USB.

⑩ ZOOM

- Memuat format gambar pada skrin TV.
- Zum masuk atau keluar gambar.

⑪ REPEAT

- Menogol antara pelbagai mod ulang.

⑫ REPEAT A-B

- Menandakan bahagian untuk diulangi, atau mematikan mod ulangan.

⑬ AUDIO/CREATE MP3

- Pilih bahasa/saluran audio.
- Akses menu untuk membuat MP3.

⑭ ■ (Berhenti)

- Hentikan permainan cakera.

⑮ ▶II (Main/Jeda)

- Mula, jeda atau sambung semula mainan cakera.

⑯ ⓘ INFO

- Untuk cakera, memaparkan status semasa atau maklumat cakera.
- Untuk pertunjukan slaid, memaparkan pameran imej kecil bagi fail foto.

⑰ OK

- Sahkan entri atau pemilihan.

⑱ SETUP

- Akses atau keluar daripada menu persediaan.

# 3 Sambungkan

Buat sambungan asas berikut untuk menggunakan pemain DVD.

**Sambungan asas:**

- Kabel video
- Kabel audio

**Sambungan pilihan:**

- Audio ke peranti lain:
  - Penerima berbilang saluran
  - Amplifier/penerima digital
  - Sistem stereo analog

**Catatan**

- Rujuk kepada plat jenis di belakang atau di bawah produk untuk pengenalpastian dan pengadaran bekalan.
- Sebelum anda membuat atau menukar sebarang sambungan, pastikan semua peranti telah diputuskan sambungan daripada alur keluar kuasa.

**Petua**

- Jenis penyambung yang berlainan boleh digunakan untuk menyambungkan produk ini ke TV anda, bergantung kepada ketersediaan dan keperluan anda. Panduan komprehensif dan interaktif untuk membantu anda menyambungkan produk anda tersedia di www.connectivityguide.philips.com.

## Sambungkan kabel video

Sambungkan pemain DVD ini ke TV untuk melihat mainan cakera.

Pilih sambungan video terbaik yang boleh disokong oleh TV.

- **Pilihan 1:** Sambungkan ke bicu video komponen (bagi TV biasa atau TV Imbas Progresif).
- **Pilihan 2:** Sambungkan ke bicu video (CVBS) (bagi TV biasa).

**Catatan**

- Anda mesti menyambungkan pemain DVD ini secara langsung kepada TV.

### Pilihan 1: Sambungkan ke bicu video komponen




1 Sambungkan kabel video komponen (tidak dibekalkan) ke bicu **Y Pb Pr** pada pemain DVD ini dan bicu input video komponen pada TV.
   - Jika TV imbas progresif digunakan, anda boleh menghidupkan mod imbas progresif (lihat bab 'Hidupkan Imbas Progresif' untuk mendapatkan butiran).

**Petua**

- Bicu input video komponen pada TV mungkin dilabelkan sebagai Y Pb/Cb Pr/Cr atau YUV.
- Sambungan jenis ini menyediakan kualiti gambar yang baik.

Beharsa Melayu

Sambungkan

## Pilihan 2: Sambungkan ke bicu video (CVBS)




1 Sambungkan kabel video komposit (dibekalkan) ke bicu **TV OUT** pada pemain DVD ini dan bicu input video pada TV.

**Petua**

- Bicu input video pada TV mungkin dilabelkan sebagai A/V IN, VIDEO IN, COMPOSITE atau BASEBAND.
- Sambungan jenis ini menyediakan kualiti gambar standard.

# Sambungkan kabel audio

Sambungkan audio daripada pemain DVD ini kepada TV untuk membolehkan output bunyi melalui TV.




1 Sambungkan kabel audio (dibekalkan) ke bicu **AUDIO OUT L/R** pada pemain DVD ini dan bicu input audio pada TV.

# Halakan audio ke peranti lain

Halakan bunyi daripada pemain DVD ini kepada peranti lain untuk meningkatkan mainan audio..

## Sambung kepada penerima berbilang saluran




1 Sambungkan kabel audio (tidak dibekalkan) kepada bicu **AUDIO OUT** (**FRONT L/R**, **REAR L/R**, **CENTER** dan **SUBWOOFER**) pada pemain DVD ini dan bicu input audio pada peranti.

**Petua**

- Anda boleh mengoptimumkan output audio (lihat bab 'Laraskan tetapan' - **[ Tetapan Audio ]** > **[ Output Analog ]**) untuk mendapatkan butiran.

## Sambungkan ke amplifier/penerima digital




1 Sambungkan kabel sepaksi (tidak dibekalkan) ke bicu **COAXIAL/DIGITAL OUT** pada pemain DVD ini dan bicu input COAXIAL/DIGITAL pada peranti.

**Petua**

- Anda boleh mengoptimumkan output audio (lihat bab 'Laraskan tetapan' - **[ Tetapan Audio ]** > **[ Audio Digital ]**) untuk mendapatkan butiran.

## Sambungkan ke sistem stereo analog




1 Sambungkan kabel audio (dibekalkan) ke bicu **AUDIO OUT FRONT L/R** pada pemain DVD ini dan bicu input audio pada peranti.

**Petua**

- Anda boleh mengoptimumkan output audio (lihat bab 'Laraskan tetapan' - **[ Tetapan Audio ]** > **[ Output Analog ]**) untuk mendapatkan butiran.

# Sambungkan peranti USB




1 Sambungkan pemacu denyar USB kepada bicu (USB) pada pemain DVD ini.

**Catatan**

- Pemain DVD ini hanya boleh memainkan/ mempamerkan fail MP3, WMA, DivX atau JPEG yang disimpan pada peranti sedemikian.
- Tekan untuk mengakses kandungan dan memainkan fail.

# Sambungkan ke alur keluar kuasa

**Amaran**

- Risiko kerosakan produk! Pastikan voltan bekalan kuasa sepadan dengan voltan yang dicetak pada bahagian belakang atau bawah pemain DVD.

1 Sambungkan kord kuasa ke alur keluar kuasa.
   ↳ Pemain DVD sedia untuk disediakan untuk penggunaan.

# 4 Bermula

## Sediakan kawalan jauh



1 Tolak untuk membuka penutup petak bateri.

2 Masukkan dua bateri R03 atau AAA dengan kutub (+/−) yang betul sebagaimana yang ditunjukkan.

3 Tutup petak bateri.

**! Awas**

- Keluarkan bateri jika telah kebabisan atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.
- Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).
- Bateri mengandungi bahan kimia, mereka harus dilupuskan dengan betul.

## Navigasi melalui menu

1 Halakan kalawan jauh langsung ke sensor jauh pada pemain DVD ini dan pilih fungsi yang dikehendaki.




2 Gunakan butang berikut pada kawalan jauh untuk menavigasi melalui menu pada skrin.

| Butang | Tindakan |
|---|---|
| ▲▼ | Gerak ke atas atau ke bawah. |
| ◀ ▶ | Gerak ke kiri atau kanan. |
| OK | Sahkan pemilihan. |
| 1 2 3 4 5 6 7 8 9 0 | Masukkan nombor. |

## Cari saluran tontonan yang betul

1 Tekan ⏻ untuk menghidupkan pemain DVD

2 Hidupkan TV dan alihkannya ke saluran video masuk yang betul.

- Anda boleh pergi ke saluran paling rendah pada TV, kemudian tekan butang Saluran Ke Bawah pada kawalan jauh TV anda sehingga anda melihat saluran Video In.
- Anda boleh menekan butang ⊡ berulang kali pada kawalan jauh TV anda.
- Biasanya saluran ini terletak antara saluran terendah dan tertinggi dan mungkin disebut FRONT, A/V IN, VIDEO, dll.

**Petua**

- Rujuk kepada manual pengguna TV mengenai cara untuk memilih input yang betul pada TV.
- Jika output audio pemain DVD ini dihalakan kepada peranti audio yang lain (seperti sistem atau penerima audio), hidupkan peranti audio ke saluran input audio yang sewajarnya. Rujuk kepada manual pangguna peranti untuk mendapatkan butiran.

## Pilih bahasa paparan menu

1 Tekan **SETUP**.
↳ Menu **[ Tetapan Umum ]** dipaparkan.

2 Pilih **[ Bahasa Osd ]**, kemudian tekan ▶.




- Pilihan bahasa adalah berlainan bergantung pada negara atau daerah anda. Ia mungkin tidak sepadan dengan rajah yang ditunjukkan di sini.

3 Tekan ▲▼ untuk memilih bahasa, kemudian tekan **OK**.

**Petua**

- Untuk menetapkan bahasa lalai untuk audio DVD dan menu cakera, lihat bab 'Laraskan tetapan' - **[ Keutamaan ]** untuk mendapatkan butiran

## Hidupkan Imbas Progresif

Sambungkan TV imbas progresif dengan bicu video komponen (lihat bab 'Sambungkan kabel video - Pilihan 1: Sambungkan ke bicu video komponen untuk mendapatkan butiran).

1 Hidupkan TV pada saluran tontonan yang betul untuk pemain DVD ini.

2 Tekan **SETUP**.

3 Tekan ▼ untuk memilih **[ Tetapan Video ]**.

4 Pilih **[ Progresif ]** > **[ Hidup ]**, kemudian tekan **OK**.

↪ Mesej amaran dipaparkan.




5 Untuk meneruskan, pilih **[ OK ]** dan tekan **OK**.

↪ Persediaan progresif telah selesai.

Catatan

- Jika skrin kosong/herot benyot dipaparkan, tunggu 15 saat bagi pemulihan automatik.
- Jika tiada gambar dipaparkan, matikan mod imbas progresif seperti berikut:
  1) Tekan ⏏ untuk membuka petak cakera.
  2) Tekan **butang angka '1'**.

6 Untuk keluar daripada menu, tekan **SETUP**.

7 Anda kini boleh menekan mod imbas progresif pada TV (lihat manual pengguna TV).

Catatan

- Semasa dimainkan, apabila mod imbas progresif dihidupkan untuk kedua-dua pemain DVD ini dan TV, gambar herot benyot mungkin dipaparkan. Matikan ciri imbas progresif pada kedua-dua pemain DVD ini dan TV.

# 5 Main

## Main dari cakera

Catatan

- DVD dan pemain DVD direka bentuk dengan mengambil kira sekatan tempatan. Pastikan video DVD yang anda mainkan adalah untuk zon rantau yang sama dengan pemain anda (ditandakan pada sebelah belakang).
- Pemain DVD ini boleh menyokong main balik format fail yang berikut: MP3/WMA/JPEG/DivX.
- Untuk memainkan DVD-R, DVD+R atau DVD-RW, cakera mesti dimuktamadkan.

### Mainkan cakera

**Awas**

- Jangan letakkan objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.

1 Tekan ⏏ untuk membuka petak cakera.

2 Masukkan cakera dengan labelnya menghadap ke atas.
   - Bagi cakera yang bermuka dua, muatkan muka yang hendak dimainkan menghadap ke atas.

3 Tekan ⏏ untuk menutup petak cakera dan memulakan mainan cakera.
   - Untuk melihat mainan cakera, hidupkan TV kepada saluran tontonan yang betul bagi pemain DVD ini.

4 Untuk menghentikan mainan cakera, tekan ■.

Petua

- Jika menu entri kata laluan dipaparkan, anda dikehendaki memasukkan kata laluan sebelum ia boleh dimainkan.
- Jika anda menjeda atau menghentikan cakera selama lebih kurang 5 minit, gambar skrin diaktifkan. Untuk menyahaktifkan gambar skrin, tekan **DISC MENU**.
- Setelah anda menjeda atau menghentikan cakera, jika tiada butang ditekan dalam masa 15 minit, pemain DVD ini akan beralih ke mod siap sedia secara automatik.

# Mainkan video

Catatan

- Untuk cakera video, main balik sentiasa bermula dari tempat ia terakhir dihentikan. Untuk memulakan main balik dari awal, tekan ⏮ sambil mesej dipaparkan.

## Mengawal tajuk

1 Mainkan tajuk.

2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal tajuk.

| Butang | Tindakan |
|---|---|
| ▶II | Mula, jeda atau sambung semula mainan cakera. |
| ■ | Hentikan permainan cakera. |
| ▶I | Langkau ke tajuk atau bab seterusnya. |
| I◀ | Melangkau ke permulaan tajuk atau bab semasa. • Tekan dua kali untuk melompat ke tajuk atau bab sebelumnya. |
| ◀◀, ▶▶ | Mencari mara cepat (▶▶) atau putar semula cepat (◀◀). • Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian. |
| ▲, ▼ | Mencari mara perlahan (▲) atau putar semula perlahan (▼). • Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian. • Untuk VCD/SVCD, carian putar semula perlahan boleh dilakukan. |

## Tukar mainan video

1 Mainkan tajuk.

2 Gunakan kawalan jauh untuk menukar mainan video.

| Butang | Tindakan |
|---|---|
| AUDIO/ CREATE MP3 | Tukar bahasa audio. • Hanya berkenaan cakera yang mempunyai berbilang bahasa audio atau saluran. |
| SUBTITLE | Tukar bahasa sari kata. • Hanya berkenaan cakera yang mempunyai bahasa sari kata berbilang. |
| REPEAT | Memilih atau mematikan mod ulang. • Pilihan ulangan berbeza bergantung kepada jenis cakera. • Untuk VCD/SVCD, main berulang hanya boleh dibuat jika mod PBC dimatikan. |
| ZOOM (Muat Skrin) | Memuat format gambar pada skrin TV. • Tekan berulang kali sehingga imej dikecilkan supaya muat pada skrin TV. |
| ZOOM | Menogol antara nisbah aspek skrin dan faktor zum berlainan. • Untuk menyorot melalui imej yang telah dizum, tekan **butang navigasi**. |
| i INFO | Paparkan status semasa atau maklumat cakera. • Anda boleh menukar pilihan mainan video di sini tanpa mengganggu mainan cakera. |

**Catatan**

- Sesetengah operasi mungkin tidak berfungsi dengan sesetengah cakera. Lihat maklumat yang dibekalkan bersama cakera untuk mendapatkan butiran.

**Petua**

- Tetapan lalai untuk PBC dihidupkan. Untuk menukar tetapan lalai, lihat bab 'Laraskan tetapan' - **[ Keutamaan ]** > **[ PBC ]** untuk mendapatkan butiran.

## Akses  menu DVD




1 Tekan **DISC MENU** untuk mengakses menu utama cakera.

2 Pilih pilihan untuk mainan, kemudian tekan **OK**.

- Dalam sesetengah menu, tekan **butang angka** untuk menginputkan pemilihan anda.
- Untuk kembali ke menu tajuk semasa mainan, tekan ⮌ **BACK**.

## Akses menu VCD

PBC (Kawalan Main Balik) untuk VCD/SVCD dihidupkan secara lalai di kilang. Apabila anda memuatkan VCD/SVCD, menu kandungan dipaparkan.

1 Tekan **butang angka** untuk memilih pilihan mainan, kemudian tekan **OK** untuk memulakan mainan.

- Jika PBC mati, ia melangkau menu dan mula bermain daripada trek pertama
- Semasa main, anda boleh menekan ⮌ **BACK** untuk kembali ke menu (jika mod PBC dihidupkan).

## Pratonton kandungan cakera




1 Semasa mainan, tekan ⓘ **INFO**.
↳ Menu status cakera dipaparkan.

2 Pilih **[ Pratonton ]**, kemudian tekan ▶.

DVD

| Pilih Jenis Digest: |
| --- |
| Tajuk Digest |
| Bab Digest |
| Jeda Tajuk |
| Jeda Bab |

VCD/SVCD

| Pilih Jenis Digest: |
| --- |
| Trek Digest |
| Jeda Cakera |
| Trek Cakera |

3 Pilih pilihan pratonton, kemudian tekan **OK**.
↳ Skrin pratonton enam imej kecil dipaparkan.

- Untuk pergi ke skrin pratonton seterusnya/sebelumnya, tekan ⏮/⏭.
- Untuk memulakan mainan, tekan **OK** pada gambar imej kecil yang dipilih.

## Langkau pantas mainan ke masa tertentu

1 Semasa mainan, tekan ⓘ **INFO**.
↳ Menu status cakera dipaparkan.

2 Pilih masa main semasa yang telah berlalu, kemudian tekan ▶.

- **[ Masa Tt ]** (masa tajuk)
- **[ Masa Ch ]** (masa bab)
- **[ Masa Cakera ]** (masa cakere)
- **[ Masa Trek ]** (masa trek)

3 Tekan **butang angka** untuk menukar masa yang anda hendak melangkau ke.

## Paparkan masa mainan

1 Semasa mainan, tekan ⓘ **INFO**.
↳ Menu status cakera dipaparkan.

2 Pilih **[ Paparan Masa ]**, kemudian tekan ▶.
↳ Pilihan paparan berbeza bergantung kepada jenis cakera.

| Pilihan | Tindakan |
|---|---|
| **[ Tajuk Berlalu ]** / **[ Bab Berlalu ]** | Paparkan masa mainan berlalu bagi tajuk DVD atau bab. |
| **[ Baki Tajuk ]** / **[ Baki Bab ]** | Paparkan baki masa mainan bagi tajuk DVD atau bab. |
| **[ Jumlah Berlalu ]** / **[ Tunggal Berlalu ]** | Paparkan masa berlalu bagi cakera atau trek VCD/SVCD. |
| **[ Jumlah Baki ]** / **[ Baki Tunggal ]** | Paparkan baki masa main bagi cakera atau trek VCD/SVCD. |

3 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.

## Lihat mainan DVD daripada sudut berlainan

1 Semasa mainan, tekan ⓘ **INFO**.
↳ Menu status cakera dipaparkan.

2 Pilih **[ Sudut ]**, kemudian tekan ▶.

3 Tekan **butang angka** untuk menukar sudut.
↳ Mainkan perubahan pada sudut yang dipilih.

Catatan

- Hanya berkenaan bagi cakera yang mengandungi turutan yang dirakam daripada sudut kamera yang berlainan.

## Tetapkan mainan berulang untuk bahagian tertentu

1 Semasa dimainkan, tekan **REPEAT A-B** di titik mula.

2 Tekan **REPEAT A-B** lagi untuk menetapkan titik akhir.
↳ Mainan ulang bermula.

3 Untuk membatalkan main ulang, tekan **REPEAT A-B** sekali lagi.

Catatan

- Bahagian yang bertanda untuk mainan berulang hanya boleh dilakukan di dalam tajuk atau trek.

## Mainkan video Play DivX®

Video DivX adalah format media digital yang mengekalkan kualiti yang tinggi walaupun pada kadar pemampatan yang tinggi. Pemain DVD ini adalah DivX® Certified oleh itu anda boleh menikmati video DivX.

1 Masukkan cakera atau USB yang mengandungi video DivX Untuk USB, tekan ⭠.
↳ Menu kandungan dipaparkan.

2 Pilih tajuk untuk dimainkan, kemudian tekan **OK**.

3 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal tajuk.

| Butang | Tindakan |
|---|---|
| **SUBTITLE** | Tukar bahasa sari kata. |
| **AUDIO/ CREATE MP3** | Tukar bahasa audio/saluran. |
| ■ | Hentikan permainan cakera. • Menu kandungan dipaparkan. |
| ⓘ **INFO** | Paparkan masa bermain yang berlalu bagi tajuk atau baki masa mainan bagi tajuk. |

Catatan

- Anda boleh memainkan hanya video DivX yang disewa atau dibeli menggunakan kod pendaftaran DivX pemain DVD ini (lihat bab 'Laraskan tetapan - **[ Tetapan Umum ]** > **[ Kod Vod DivX(R) ]** untuk mendapatkan butiran).
- Jika sari kata tidak tertera dengan betul, tukar bahasa sari kata (lihat bab 'Laraskan tetapan' - **[ Keutamaan ]** > **[ Sarikata DivX ]** untuk mendapatkan butiran).

# Mainkan muzik

Catatan

- Bagi sesetengah cakera audio komersial, main balik boleh disambungkan semula dari tempat terakhir ia dihentikan. Untuk memulakan mainan dari trek pertama, tekan ⏮.

## Mengawal trek

1 Mainkan trek.

2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal trek.

| Butang | Tindakan |
|---|---|
| ▶II | Mula, jeda atau sambung semula mainan cakera. |
| ■ | Hentikan permainan cakera. |
| ▶I | Langkau ke trek seterusnya. |
| I◀ | Melangkau ke permulaan trek semasa. Tekan dua kali untuk melompat ke trek sebelumnya. |
| 1 2 3 4 5 6 7 8 9 0 | Pilih item untuk dimainkan. |
| ◀◀, ▶▶ | Mencari mara cepat (▶▶) atau putar semula cepat (◀◀). • Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian. |
| REPEAT | Togol melalui pelbagai mod main berulang; atau matikan mod ulang. • Pilihan ulangan berbeza bergantung kepada jenis cakera. |

## Mainan langkau pantas

1 Semain main, tekan ⓘ **INFO** sehingga satu daripada pilihan berikut dipilih.

| Paparan | Tindakan |
|---|---|
| **[ Cakera Pergi ke ]** | Melangkau mainan ke masa tertentu di dalam cakera. |
| **[ Trek Pergi ke ]** | Melangkau mainan ke masa tertentu di dalam trek. |
| **[ Pilih Trek ]** | Langkau main ke nombor trek tertentu. |

2 Tekan **butang angka** untuk menukar masa/ nombor yang anda hendak melangkau ke.

## Mainkan muzik MP3/WMA

MP3/WMA adalah sejenis fail audio yang sangat dimampatkan (fail dengan lanjutan .mp3, .wma).

1 Masukkan cakera atau USB yang mengandungi muzik MP3/WMA.
   - Untuk USB, tekan ⭠.
   ↳ Menu  kandungan dipaparkan.
   ↳ Mainan bermula.

2 Pilih trek untruk dimainkan sekiranya main tidak bermula secara automatik.
   - Untuk memilih trek/folder lain, tekan ▲▼, kemudian tekan **OK**.

3 Untuk kembali ke menu utama, tekan ▲ sehingga menu akar dipilih, kemudian tekan **OK**.

**Catatan**

- Bagi CD yang dirakam dalam berbilang sesi, hanya sesi pertama dimainkan.
- Pemain DVD ini tidak menyokong format audio MP3PRO.
- Jika sebarang aksara khas terdapat dalam nama trek MP3  (ID3) atau nama album, ia mungkin tidak dipaparkan dengan betul pada skrin kerana aksara ini tidak disokong.
- Sesetengah WMA dilindungi Pengurusan Hak Digital (DRM), ia tidak boleh dimainkan pada pemain DVD ini.
- Folder/fail yang melebihi had pemain DVD ini yang disokong tidak akan dipaparkan atau dimainkan.

**Petua**

- Anda boleh memaparkan kandungan cakera data tanpa folder, lihat bab 'Laraskan tetapan' - **[ Keutamaan ]** > **[ MP3/Jpeg Nav ]** untuk mendapatkan butiran.

# Mainkan foto

## Mainkan foto sebagai pertunjukan slaid

Pemain DVD ini boleh memainkan foto JPEG (fail dengan lanjutan .jpeg atau .jpg).

1 Masukkan cakera atau USB yang mengandungi foto JPEG.
   - Untuk USB, tekan ⭠.
   ↳ Bagi cakera Kodak, pertunjukan slaid bermula secara automatik.
   ↳ Bagi cakera JPEG, menu foto dipaparkan.

2 Pilih folder/album yang anda hendak mainkan.
   - Untuk mempratonton foto dalam folder/album, tekan ⓘ **MAKLUMAT**.



   - Untuk pergi ke paparan skrin sebelumnya atau seterusnya, tekan ⏮/⏭.
   - Untuk memilih foto, tekan **butang navigasi**.
   - Untuk memaparkan foto yang dipilih sahaja, tekan **OK**.

Beharsa Melayu

Main

3 Tekan **OK** untuk memulakan mainan pertunjukan slaid.

- Untuk kembali ke menu, tekan ⮌ **BACK**.

Catatan

- Ia mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk memaparkan kandungan cakera pada TV disebabkan bilangan lagu/foto yang besar yang dikumpulkan pada satu cakera.
- Jika foto JPEG tidak dirakam dengan fail jenis 'exif', gambar imej kecil sebenar tidak akan ditunjukkan pada paparan. Ia digantikan dengan gambar imej kecil 'gunung biru'.
- Pemain DVD ini hanya boleh memaparkan gambar kamera digital menurut format JPEG-EXIF, yang biasa digunakan oleh hampir semua kamera digital. Ia tidak boleh memaparkan Motion JPEG dan gambar dalam format selain daripada JPEG, atau klip bunyi yang dikaitkan dengan gambar.
- Folder/fail yang melebihi had pemain DVD ini yang disokong tidak akan dipaparkan atau dimainkan.

## Kawalkan mainan foto

1 Mainkan pertunjukan slaid foto.

2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal foto.

| Butang | Tindakan |
|---|---|
| ◀ | Putar foto melawan arah jam. |
| ▶ | Putar foto mengikut arah jam. |
| ▲ | Terbalikkan foto secara menegak. |
| ▼ | Terbalikkan foto secara mendatar. |
| ZOOM | Zum masuk/keluar.<br>• Mainan dijeda dalam mod zum. |
| ■ | Hentikan permainan cakera. |

## Mainkan pertunjukan slaid muzikal

Mainkan fail muzik MP3/WMA dan fail foto JPEG serentak untuk mencipta pertunjukan slaid muzikal. Fail MP3/WMA dan JPEG mesti disimpan pada cakera yang sama.

1 Mainkan muzik MP3/WMA.

2 Navigasi ke folder/album foto dan tekan **OK** untuk memulakan mainan pertunjukan slaid

↳ Pertunjukan slaid bermula dan berterusan sehingga akhir folder atau album foto.

↳ Audio terus bermain sehingga akhir cakera.

- Untuk kembali ke menu, tekan ⮌ **BACK**.

3 Untuk menghentikan mainan pertunjukan slaid, tekan ■.

4 Untuk menghentikan mainan muzik, tekan ■ sekali lagi.

# Main dari peranti USB

Pemain DVD ini memainkan/mempamerkan fail MP3, WMA, DivX atau JPEG yang disimpan pada peranti USB.



1 Sambungkan pemacu denyar USB kepada bicu ⭠ (USB) pada pemain DVD ini.

2 Tekan ⭠.
   ↳ Menu  kandungan dipaparkan.
   ↳ Mainan bermula.

3 Pilih fail untruk dimainkan sekiranya main tidak bermula secara automatik.
   - Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat bab 'Mainkan muzik, Mainkan foto, Mainkan video' untuk mendapatkan butiran.

4 Untuk menghentikan mainan, tekan ■ atau keluarkan peranti USB.
   - Untuk beralih ke mod cakera, tekan ⭠ atau **DISC MENU**.

**Petua**

- Jika peranti tidak muat ke dalam bicu USB , sambungkannya melalui kabel panjangan USB.
- Kamera digital yang memerlukan pemasangan program tambahan apabila bersambung dengan PC, tidak disokong.

# 6 Ciri lanjutan

## Salinan media

Anda boleh memindahkan fail data seperti MP3, WMA atau JPEG daripada cakera ke peranti USB.

1 Masukkan cakera yang mengandungi fail MP3/WMA/JPEG.

2 Tekan ■ untuk menghentikan mainan cakera.

3 Sambungkan pemacu denyar USB kepada bicu ⭠ (USB) pada pemain DVD ini.

4 Pilih fail untuk disalin, kemudian tekan **SUBTITLE**.

5 Pilih **[ Ya ]** dalam menu untuk mula menyalin, kemudian tekan **OK**.




↳ Sebaik sahaja selesai, folder baru dibuat secara automatik dalam peranti USB untuk menyimpan semula fail data yang baru.

6 Untuk menghentikan kemajuan penyalinan, tekan ■, kemudian tekan **OK**.

> Catatan
> - Semasa anda menyalin, jangan tekan sebarang butang.
> - Media dilindungi salin tidak boleh disalin.

## Buat fail MP3

Anda boleh menukar CD audio menjadi fail audio MP3 dengan pemain DVD ini. Fail audio MP3 yang dibuat disimpan dalam peranti USB.

1 Masukkan CD audio.

2 Sambungkan pemacu denyar USB kepada bicu ⭠ (USB) pada pemain DVD ini.

3 Semasa cakera dimainkan, tekan **AUDIO/ CREATE MP3**.

4 Pilih **[ Ya ]** dalam menu dan tekan **OK**.




5 Buat pilihan penukaran dalam panel **[ OPSYEN ]** dan tekan **OK**.

| Pilihan | Perihalan |
|---|---|
| **[ kelajuan ]** | Pilih kelajuan tulis pada fail.<br>• Jika kelajuan **[ Biasa ]** dipilih, mainan muzik boleh didengari semasa mencipta fail MP3. |
| **[ kadar bit ]** | Pilih tahap kualiti.<br>Kadar bit yang lebih tinggi untuk kualiti bunyi yang lebih baik dan saiz fail yang lebih besar.<br>• Tetapan lalai ialah **[128 kbps ]**. |
| **[ CRT ID3 ]** | Salin maklumat trek ke dalam fail MP3.<br>• Tetapan lalai ialah **[ Ya ]**. |
| **[ Peranti ]** | Fail MP3 yang dibuat boleh disimpan hanya dalam peranti USB. |

6 Tekan ► untuk mengakses panel **[ Trek ]**.

7 Pilih trek audio, kemudian tekan **OK**.

- Untuk memilih trek lain, ulang langkah 7.
- Untuk memilih semua trek, pilih **[ Pilih Semua ]** dalam menu dan tekan **OK**.
- Untuk menyahpilih semua trek, pilih **[ N/pilih smua ]** dalam menu dan tekan **OK**.

8 Pilih **[ mula ]** dalam menu untuk mula menyalin, kemudian tekan **OK**.

↳ Sebaik sahaja selesai, folder baru dibuat secara automatik dalam peranti USB untuk menyimpan semula fail MP3 yang baru.

- Untuk keluar daripada menu, pilih **[ Keluar ]** dan tekan **OK**.

Catatan

- Semasa anda menukar, jangan tekan sebarang butang.
- CD DTS dan CD yang dilindung salin tidak boleh ditukar.
- Peranti USB yang dilindung tulis atau yang dilindungi kata laluan tidak boleh digunakan untuk menyimpan fail MP3.

# 7 Laraskan tetapan

Bahagian ini menghuraikan pilihan tetapan yang pelbagai bagi pemain DVD ini.

| Simbol | Pilihan |
|---|---|
| ⚙ | [ Tetapan Umum ] |
| 🔈 | [ Tetapan Audio ] |
| ▭ | [ Tetapan Video ] |
| ☑ | [ Keutamaan ] |

**Catatan**

- Jika pilihan persediaan dikelabukan, ia bermakna tetapan tidak boleh ditukar pada keadaan semasa.

## Persediaan umum

1. Tekan **SETUP**.
   ↳ Menu **[ Tetapan Umum ]** dipaparkan.
2. Tekan ▶.
3. Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.

| **Tetapan Umum** | |
|---|---|
| Kunci Cakera | |
| Bahasa Osd | |
| Pemasa Tidur | |
| Tunggu Sedia Auto | |
| Kod Vod DivX(R) | |

4. Pilih tetapan, kemudian tekan **OK**.
   - Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan ◀.
   - Untuk keluar dari menu, tekan **SETUP**.

**Catatan**

- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

**[ Kunci Cakera ]**

Tetapkan sekatan mainan untuk cakera tertentu. Sebelum anda bermula, letakkan cakera ke dalam petak cakera (maksimum 20 cakera boleh dikunci).

- **[ Kunci ]** – hadkan akses kepada cakera semasa. Kali seterusnya anda hendak memainkan cakera ini atau membuka kuncinya, anda perlu memasukkan kata laluan.
- **[ Buka kunci ]** – main semua cakera.

**Petua**

- Untuk menetapkan atau menukar kata laluan anda, pergi ke **[ Keutamaan ]** > **[ Kata Laluan ]**.

**[ Bahasa Osd ]**

Pilih bahasa lalai bagi menu pada skrin.

**[ Pemasa Tidur ]**

Beralih ke siap sedia secara automatik setelah masa pratetap.

- **[ Mati ]** – disable sleep mode.
- **[ 15 Mins ]**, **[ 30 Mins ]**, **[ 45 Mins ]**, **[ 60 Mins ]** – pilih masa kira detik sebelum pemain DVD beralih ke siap sedia.

### [ Tunggu Sedia Auto ]

Matikan mod pertukaran siap sedia automatik. Ia adalah ciri penjimatan tenaga.

